



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pembangunan PKS dan
Keusahawanan
Malaysia

DISINI BERMULA...

PLANET MASMED

NO. 01

JUNE 2022

UITMCNS

ENCULTURE
ENGAGE
CREATE

EXCELLENT
SYNERGY
INTEGRITY

eISSN 2805-5535



9 7 7 2 8 0 5 5 5 3 0 0 5

USAHAWAN: KOMUNITI MARMIZA CHE OMAR

Penulis

Dr Asiah Ali, Dr Raja Mayang Delima Mohd Beta dan Nabilah Abdul Shukur.

Marmiza Binti Che Omar, merupakan seorang usahawan yang ceria, berdedikasi untuk mencapai cita-cita. Beliau berasal daripada Seremban, Negeri Sembilan. Beliau merupakan anak kedua daripada tujuh orang adik beradik. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Sri Ampangan dan melanjutkan pelajaran dalam bidang Diploma Sains Kesetiausahaannya di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang.

Beliau merupakan generasi ketiga mengusahakan perniagaan keluarganya iaitu Rehan Global Food Sdn Bhd. Perniagaan ini bermula daripada nendanya, rubiah limin, dan diwariskan kepada anak perempuannya Norehan (nama jenama rehan terkini).



Beliau mempunyai inspirasi yang tinggi untuk membawa hasil produk perniagaannya ke peringkat antarabangsa selari dengan visi yang dibawa "To be a world renown Aromatic, Authentic Malay Cuisine Spice Brand". REHAN GLOBAL FOOD SDN BHD merupakan perniagaan 100 peratus bumiputera. Rehan membawa warisan lama berusia 140 tahun pengaruh daripada Negeri Sembilan dan Betawi. Pada tahun 2017, Rehan telah melakukan produk inovasi dengan mengeluarkan pes masakan, ianya merupakan satu solusi kepada permasalahan sekeliling, iaitu tidak pandai memasak dan tiada masa untuk memasak.

Produk Rehan terdiri daripada produk rempah ratus masakan seperti rendang rembau, soto, sup, kari daging dan pelbagai jenis rempah ratus. Selain itu, produk pes masakan seperti masak lemak cili api, asam pedas, rendang rembau, soto, kari daging serta sambal hijau.

Keunikan pelbagai rempah masakan serta pes masakan tersedia Rehan membantu setiap orang untuk memasak dan menyediakan pelbagai masakan tradisi yang autentik. Motto yang sering di bawa oleh Rehan adalah MASAK SEPERTI CHEF, JIMAT MASA, TANPA PEMBAZIRAN & RASA YANG KONSISTEN!

Wanita gagah ini mempunyai semangat yang tinggi untuk meluaskan lagi empayar peniagaannya ke peringkat antarabangsa. Beliau juga Berjaya menembusi pasaran luar negara seperti ke Singapura, Korea, Brunei dan Australia. Beliau juga merancang untuk melebarkan sayapnya ke negara timur tengah.

Puan Marmiza juga bercita-cita untuk memartabatkan makanan warisan setempat seperti rendang rembau serta masak lemak cili padi ke persada antarabangsa. Beliau melihat ini satu peluang yang besar kerana mampu membantu wanita berkerjaya untuk memasak seperti chef dirumah tanpa halangan masa, tenaga dan pembaziran.

Usahawan wanita ini juga gigih dalam mengatasi ancaman sekitar antaranya faktor kenaikan harga barang mentah, masalah bencana alam seperti banjir, masalah ekonomi serta ancaman covid-19. Walaupun badai melanda beliau tetap utuh dan senantiasa mencari inisiatif untuk kemandirian perniagaannya serta mempertahankan kualiti supaya produk-produknya memberikan kepuasan maksimum kepada para pengguna.

Wanita ayu dan tegas ini mempunyai kepimpinan yang jitu dengan melibatkan diri dengan Pertubuhan Usahawan Wanita Negeri Sembilan sebagai setiusaha. Pertubuhan ini diwujudkan untuk memperkasakan usahawan wanita di Negeri Sembilan, membantu mereka untuk menimba pelbagai ilmu, membuka peluang perniagaan dan memastikan ahli mengikuti trend terkini perniagaan

Momen indah beliau dalam perniagaan dan amat membanggakan apabila produk beliau telah dinobatkan sebagai "BUMIPUTERA BEST BRANDS 2022" dianugerahkan oleh "THE BRANDLAUREATE". Selain itu, beliau juga berbangga dengan produknya apabila dapat mengeksport produk ke luar negara serta dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Beliau menasihatkan kepada anak muda untuk terus berusaha, tidak mudah putus asa dalam apa juar bidang. Galilah ilmu sebanyak mungkin supaya apabila jatuh, tidak kecundang dan mampu untuk bangkit semangat seperti laksamana melayu. Beliau juga memberikan pandangan peribadi beliau, sebagai usahawan perlulah ikhlas dalam apa juar situasi dan carilah rangakaian perniagaan yang positif, berdamping dengan orang Berjaya untuk terus mengorak langkah kejayaan demi nusa, bangsa, agama dan negara.

THANK YOU

It is really big respect for receiving this award.
It is a great feeling of getting recognized for
REHAN team hard work

THE BEST BUMIPUTERA BRAND AWARD 2022

